

20 OCT 2003

MAHATHIR-WTO/I

KEADILAN DALAM PROSES GLOBALISASASI PATUT JADI AGENDA WTO

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara membangun, termasuk Malaysia, mahu melihat perdagangan yang adil dan saksama dalam proses globalisasi.

Dan itulah yang sepatutnya menjadi agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), katanya dalam sesi dialog di Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Apec, di sini hari ini.

Mengulas mengenai kegagalan rundingan WTO di Cancun, Mexico, bulan lepas, beliau berkata agenda WTO perlu diubah dan pandangan negara membangun perlu diambil kira.

"Pusingan Doha ialah untuk pembangunan tetapi tidak banyak yang dilakukan untuk negara membangun. Kita pergi ke Cancun di mana pendekatan baru dan idea baru disyorkan, tetapi pembangunan diketepikan," katanya merujuk kepada negara maju yang mahu diadakan peraturan pelbagai hala mengenai pelaburan, persaingan, pemudahan perdagangan dan ketelusan dalam pemerolehan kerajaan.

"Apa yang harus dilakukan sekarang ialah para anggota sedia berbincang dan mengaku bahawa langkah yang silap telah dilakukan apabila masalah negara membangun tidak diambil kira," katanya.

"Kemudian, kita gubal agenda baru yang dipersetujui semua negara -- bagaimana kita boleh memperbaiki keadaan dalam negara membangun dan juga keadaan di negara maju," katanya.

Menjawab soalan mengenai pergerakan bebas modal, Dr Mahathir berkata sesebuah negara seharusnya mempunyai kuasa dalam aliran keluar masuk modal agar perdagangan dan pembiayaan akan lebih sihat dan tidak terdedah kepada spekulasi dan manipulasi.

Jika terdapat pergerakan modal, katanya, pergerakan itu harus tertakluk kepada peraturan antarabangsa dan domestik yang digubal oleh negara di mana berlaku aliran keluar masuk modal.

Sambil menegaskan tentang keperluan diadakan peraturan dalam pembiayaan perdagangan dalam kewangan antarabangsa, beliau berkata prinsip Bretton Woods memerlukan peraturan untuk memastikan pembiayaan perdagangan antarabangsa dikawal selia untuk memberi manfaat kepada setiap orang.

"Sekarang, kita semakin keliru. Dalam satu hal, kita mahukan rejim perdagangan berasaskan peraturan dan dalam hal lain, kita bercakap pasal perlonggaran peraturan di mana pasaran akan menentukan, akan mendisiplinkan diri sendiri dan akan mendisiplinkan kerajaan."

"Ia merupakan idea yang tidak munasabah kerana pasaran ialah mengenai membuat duit, mengenai membuat keuntungan. Mereka tidak berminat dalam apa bentuk kerajaan di mana-mana negara selagi mereka boleh membuat duit," katanya.

"Apa yang patut difikirkan sekarang ialah keperluan untuk peraturan dan negara memerlukan peraturan, undang-undang, dasar bagi memastikan ekonomi mereka tumbuh dan dapat bersaing dengan negarag lain.

"Seseorang itu harus menerima bahawa kerajaan masih terpakai dan idea bahawa kerajaan merupakan halangan kepada perdagangan bebas tidak boleh diterima," katanya. -- BERNAMA

SHO MR MKO JR